



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

GALAKAN UNTUK MUHASABAH DIRI

Tarikh Dibaca:

**16 JAMADILAKHIR 1445H /
29 DISEMBER 2023**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهِدُ إِيمَانَ مُلْسَنًا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

GALAKAN UNTUK MUHASABAH DIRI

29 DISEMBER 2023 / 16 JAMADILAKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَتَقُوا اللَّهَ وَلَتَنْظُرُ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ۖ (سورة الحشر)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَهُ وَرَسُولَهُ الَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ۔

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: “**Galakan Untuk Muhasabah Diri”**.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin dalam menghadapi kekejaman dan penindasan Rejim Zionis Israel. Serangan rejim zionis Israel yang tidak henti-henti telah menyebabkan penduduk Gaza ketika ini hidup dalam kelaparan kerana kekurangan makanan, sumber-sumber tenaga, bekalan ubat-ubatan dan keperluan asas yang lain. Bantulah mereka dengan apa-apa juga cara yang termampu dan janganlah kita biarkan mereka bersendirian menghadapi ujian yang sangat berat itu. Teruslah berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT agar Allah SWT memberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan buat mereka. *Insya-Allah.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Masa begitu pantas berlalu. Kita kini telah pun berada pada Hari Jumaat terakhir bagi tahun 2023. Acapkali berada di penghujung tahun, kita diseru untuk bermuhasabah diri atas setiap tindakan yang telah kita lakukan sepanjang tahun. Amalan bermuhasabah merupakan suatu amalan yang baik dan terpuji dalam rangka membentuk diri menjadi manusia yang lebih baik. Dalam masa yang sama, ia mendorong seseorang untuk memperbaiki setiap kelemahan dan kekurangan yang ada pada diri.

Amalan bermuhasabah sangat membantu seseorang untuk terus beristiqamah pada jalan Allah SWT. Para salaf berkata: “*Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab oleh Allah SWT*”. Barangsiapa yang dihisab oleh Allah SWT, sesungguhnya dia akan mendapatkan seksa. Sebagaimana sabda Nabi SAW kepada A’isyah *radhiyallahu anha*: “*Barangsiapa yang dihisab oleh Allah, maka sesungguhnya Allah akan mengazabnya*”.

Hakikat muhasabah sebenarnya ialah supaya setiap manusia itu sedar akan kekurangan diri dalam kehidupan dunia yang fana ini bagi mengumpul dan mempersiapkan diri menuju kehidupan akhirat yang abadi. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr ayat 18 yang bermaksud:

“*Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan*”. (**Surah al-Hasyr ayat 18**)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini sangat memperdayakan manusia. Banyak manusia yang telah hanyut dilekakan dengan kesenangan-kesenangan dunia. Pada kebiasaannya juga, menjelang tahun baharu, konsert-konsert, pesta hiburan, pesta sambutan tahun baharu yang liar, begitu rancak dianjurkan. Malangnya, anak-anak Melayu yang mengaku beragama Islam inilah yang banyak terleka dengannya. Mereka lupa bahwasanya semua kesenangan dunia yang sedikit inilah nanti yang akan membinasakan mereka. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid ayat 20:

أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعْبٌ وَلَهُوَ وَرِزْنَةٌ وَتَفَاقُّرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ
كَمَثَلٍ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ وَثُمَّ يَهْبِطُ فَتَرَكُهُ مُصْفَرًا ثُمَّ يَكُونُ حُطَّلًا وَفِي الْآخِرَةِ
عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَعٌ الْغُرُورِ ..

Maksudnya: “Ketahuilah bahwa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburnya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahwa) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredhaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahwa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tidak salah untuk menikmati kesenangan duniawi seperti berjawatan, memiliki ladang dan ternakan yang banyak, mendapatkan isteri dan anak-anak, atau mendapatkan harta kerana padanya tersemat beberapa tanggungjawab dunia yang perlu ditunaikan seperti nafkah, sedekah, zakat, ibadah dan seumpamanya. Namun, kehidupan di dunia ini perlu

dikendalikan dengan sebaiknya menurut tatacara yang digariskan oleh syariat agar ia tidak mengheret kita ke lembah kebinasaan dan kelalaian dari tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT.

Cuba renungkan, berapa ramai ahli keluarga, saudara-mara atau sahabat-handai kita yang telah pun pergi meninggalkan kita dari dunia ini? Mereka (yang telah pergi) itu tidak membawa sedikit pun harta, jawatan dan kesenangan dunia yang dimiliki. Hanyalah bersamanya kafan dan amalan-amalan yang dilakukan ketika hidup. Namun, setidak-tidaknya mereka telah pun selesai urusan di dunia ini manakala kita yang masih hidup ini entahkan bila dan bagaimana pula pengakhiran hidup kita nanti? Maka, sama-sama lah kita merenung dan bermuhasabah diri, bukan hanya setahun sekali, bahkan setiap hari supaya kita tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi dan lalai.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa perkara penting buat renungan bersama:

Pertama: Amalan bermuhasabah merupakan suatu amalan yang dituntut dilakukan setiap hari dalam menjadikan seseorang itu lebih baik dan istiqamah atas jalan Allah SWT.

Kedua: Kesenangan hidup di dunia ini sungguh memperdayakan umat manusia. Begitu ramai pula manusia tidak menyedari bahawa kesenangan yang sedikit ini akan membinasakan mereka sekiranya melalaikan mereka dari melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT.

Ketiga: Kehidupan ini perlu dikendalikan dengan baik supaya kita dapat membetulkan segala kesilapan dan merancang ke arah kehidupan yang lebih baik dan direhui Allah SWT.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid ayat 21:

سَابِقُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٌ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا

بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ۝

Maksudnya: “Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّكُمِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا أَلَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيَتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَى وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا
مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا يَعِشْ دَفْرُتوانِ اكْنُوْغ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللّٰهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللّٰهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللّٰهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَا يُسُورِي اكْنُوْغ، تُونِكُو
عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهِ إِسْكَنْدَرِيَهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ
الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدْدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزَلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَاوَنَهُمْ، بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرِدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،
تَرْمِيهِمْ بِحَجَارَةَ مِنْ سَجِيلٍ، فَعَلَهُمْ كَعَصْفَ مَأْكُولٍ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرَقْ
جَمْعَهُمْ وَشَتَّ كَلْمَتَهُمْ، وَزَلْزَلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلْطَ عَلَيْهِمْ كَلَّا مِنْ كَلَّابِكَ، يَا قَهَارَ، يَا
جَبَّارَ، يَا مُنْتَقِمَ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزَلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِي السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،
إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! إِهْزِمْهُمْ! وَانْصُرْ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادَنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.